

Badan2 silat Melayu belum lagi daftar di bawah Akta baru

Oleh: SALIM OSMAN

pencah silat
TIDAK ADA sebuah pun pertubuhan atau kumpulan Silat Melayu yang telah membuat permohonan untuk mendaftarkan diri di bawah Akta baru Pengajaran Seni Mempertahankan Diri sejak undang-undang itu berjalan 2 September yang lalu.

Unit Kawalan Seni Mempertahankan Diri yang dibentuk di Kementerian Halehwal Dalamnegeri, berikutan dengan pengistiharan undang-undang baru itu, telah tidak menerima sebarang permohonan dari instraktor - instraktor dan pelatih-pelatih silat Melayu.

Seorang jurucakap unit itu, yang mengesahkan demikian semalam berkata: "Kami tidak tahu mengapakah belum ada sebuah pun pertubuhan ataupun guru-guru dan pelatih-pelatih seni Silat Melayu yang datang membuat permohonan.

"Bagaimanapun, kami menjangka mereka akan datang ke sini tidak berapa lama lagi untuk mendaftarkan diri di bawah undang-undang baru ini."

Sejauh ini kira-kira 30 buah pertubuhan seni mempertahankan diri yang termasuk Karate,

-9 OCT 1974
Taekwondo, Judo, dan seni pugilistik Cina, telah membuat permohonan untuk pendaftaran.

Pertubuhan - pertubuhan itu telah juga menghantarkan permohonan instraktor-instraktornya dan kira-kira 1,000 orang pelatihnya untuk mendapatkan lesen kebenaran berkecimpung dalam bidang seni itu.

"Kami sedang memproses semua permohonan ini," tambah jurucakap itu.

Sementara itu, beberapa pertubuhan silat Melayu yang dihubungi semalam memberitahu bahawa proses menda-patkan butir-butir keterangan ahli dan persiapan untuk pendaftaran sedang berjalan.

Dibentuk

Borang - borang permohonan itu dijangka dihantarkan kepada unit itu sebaik saja proses ini selesai berjalan hujung bulan ini.

Pertubuhan - pertubuhan itu akan membuat permohonan untuk dibenarkan menjadi sebuah pertubuhan seni Silat Melayu yang tersendiri.

Sejauh ini pertubuhan-pertubuhan

itu dibentuk sebagai satu kumpulan di bawah pertubuhan-pertubuhan budaya tempatan.

Setiausaha Agung Badan Kesenian Melayu, Encik Ja'afar Ya'acob berkata: "Kami telah pun mengedarkan borang-borang permohonan kepada instraktor - instraktor dan pelatih-pelatih kami.

Borang2

"Mereka sedang mengisinya dan kami akan menghantarkannya kira-kira hujung bulan ini."

Persatuan Rakyat, yang mengelolakan 21 klas silat di balai-balai rakyat di bawah 16 orang guru silat, sedang mengedarkan borang-borang permohonan kepada mereka menerusi balai-balai itu.

"Guru-guru itu dan pelatih - pelatih akan menyerahkannya sendiri kepada unit kawalan seni mempertahankan diri," ujar seorang jurucakap persatuan.

Beberapa buah pertubuhan budaya Melayu difahamkan telah menutup seksi-seksi silatnya berikutan dengan pengistiharan undang-undang itu.

Setiausaha Perkasa, Encik M.

Saadi, berkata: "Kami terpaksa membubarkan seksi seni silat kami kerana kami menghadapi beberapa masalah dalam memenuhi syarat pendaftaran.

"Kami mengalami kesulitan dalam mendapatkan seorang instraktor yang tetap, gelanggang latihan silat yang tetap dan juga masalah memenuhi bayaran yuran yang tinggi."

Sementara itu, Persatuan Pencak Silat Singapura (PERPENSIS) di Ipoh Lane, masih lagi mengkaji cerai-an-ceraian dan implikasi undang-undang baru itu.

Yang dipertua persatuan, Ustaz Mohd Taha Suhaimi memberitahu: "Kami akan mengadakan mesyuarat minggu depan untuk membincangkan perkara ini dengan penasihat undang-undang kami."

Kekeliruan

-9 OCT 1974
Adalah difahamkan PERPENSIS, yang telah berdaftar lebih empat tahun lalu, sedang mengalami beberapa 'kekeliruan' dalam memenuhi syarat-syarat pendaftaran.

Undang-undang baru itu mewajibkan semua pertubuhan seni mempertahankan diri instraktor-instraktor dan pelatih-pelatih seni itu untuk mendaftarkan diri dengan Pengawal Seni Mempertahankan Diri.

Pendaftaran bagi sebuah pertubuhan ialah \$50 manakala pendaftaran untuk instraktor dan pelatih ialah \$100 dan \$5 untuk setahun.

Selepas tiga bulan penguatkuasaan undang-undang itu, adalah menjadi kesalahan bagi pertubuhan seni silat, instraktor dan pelatih untuk bergiat tanpa pendaftaran.

Hukumannya ialah denda paling tinggi sebanyak \$2,000 atau penjara paling lama enam bulan.

Orang-orang yang menguruskan sebuah pertubuhan yang tidak berdaftar boleh didenda hingga sebanyak \$4,000 atau penjara lima tahun paling lama.